

Baca petikan di bawah ini dengan teliti. Kemudian, berdasarkan petikan, kenal pasti idea utama dan idea sampingan.



Jabatan Pertanian
Malaysia

Sektor pertanian merupakan sektor yang memberikan pendapatan yang bukan sahaja tinggi malah stabil kepada negara pada setiap tahun. Masyarakat dunia sememangnya memerlukan makanan untuk meneruskan kehidupan. Hal ini menjadikan harga komoditi makanan melambung tinggi terutama ketika bencana alam melanda. Pendapatan negara yang stabil akan menjadikan negara tidak mengalami masalah kemelesetan ekonomi. Jadi, pendapatan yang diperoleh menerusi sektor ini boleh digunakan oleh kerajaan untuk memajukan pelbagai sektor yang lain pula.

Di samping itu, perkembangan pesat dalam sektor pertanian telah membuka peluang pekerjaan yang lebih banyak kepada rakyat tempatan. Misalnya, kawasan ladang pertanian yang begitu luas memerlukan sumber manusia yang banyak untuk menguruskannya dengan lebih cekap. Secara tidak langsung, kewujudan peluang kerja dapat menjamin masa depan pekerja dan taraf hidup mereka akan menjadi lebih baik. Ringkasnya, sektor pertanian dapat membendung masalah pengangguran dalam kalangan rakyat tempatan.

Sektor pertanian penting ini untuk memastikan sekuriti bekalan makanan yang mencukupi kepada masyarakat. Rakyat Malaysia menjadikan beras sebagai makanan ruji. Memandangkan hal itu, kerajaan mahu mengurangkan kebergantungan hasil pertanian dari negara luar. Kerajaan berusaha untuk mengurangkan import beras dari Thailand kerana padi sawah boleh ditanam di negara ini. Oleh itu, kerajaan mengambil inisiatif untuk memajukan sektor pertanian kerana kadar pertumbuhan penduduk negara kita yang semakin pesat.

0

Perenggan	Idea Utama	Idea Sampingan
Pertama		
Kedua		
Ketiga		

- Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian, nyatakan idea utama dan idea sampingan bagi setiap perenggan.**

Kesungguhan dan sikap berdisiplin yang ditunjukkan semasa berlatih dalam permainan sukan membawa kepada kesungguhan dalam kehidupan untuk lebih berjaya. Semangat kesukanan perlu dipupuk sejak di bangku sekolah lagi. Bersukan membawa mesej kerjasama dan semangat berpasukan antara satu sama lain.

Selain itu, bersukan membantu menyihatkan fizikal dan mental setiap individu. Apabila kita berekreasi seperti berjoging, berbasikal, bermain badminton dan sebagainya badan akan mengeluarkan peluh dan berlaku pembakaran lemak dalam tubuh kita. Kesannya, badan menjadi lebih aktif dan cergas.

Dengan semangat kesukanan, kita akan lebih bertoleransi, menghormati pasukan lawan, bermain dengan jujur dan adil serta menerima keputusan perlawanan dengan hati yang terbuka. Segala tindak-tanduk kita akan menyebabkan pasukan kita juga dihormati malah disanjung tinggi oleh pasukan lawan. Hal ini akan mengeratkan hubungan dan dapat memupuk semangat perpaduan.

1.	(a) Idea Utama 1:	
	(b) Idea Sampingan 1:	(c) Idea Sampingan 2:

2.	(a) Idea Utama 2:	
	(b) Idea Sampingan 1:	(c) Idea Sampingan 2:

3.	(a) Idea Utama 3:	
	(b) Idea Sampingan 1:	(c) Idea Sampingan 2: